



ISTIADAT MEMBUKA DEWAN MAJLIS MESYUARAT JOHOR YANG BAHARU


Dewan baharu bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor telah dibuka dengan istiadat pada 14 Mac 1951 oleh Tengku Mahkota Johor. Letak Dewan Majlis Meyuarat yang permai ini ialah di dalam bangunan Pejabat Kerajaan Johor. Pada masa pembukaan itu ramai dif-dif daripada orang besar dan orang-orang yang terkemuka telah hadir.



Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Johor bergambar ramai sesudah istiadat pembukaan majlis itu dan yang di tengah-tengah sekali Tengku Mahkota putera yang sulung kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.



Ahli-ahli istiadat sedang naik di tangga bangunan Pejabat Kerajaan Johor yang di dalamnya terletak dewan yang baharu itu.



Ahli-ahli Mesyuarat sedang bermesyuarat di dalam dewan yang baharu itu keadaannya jauh berlainan daripada susunan yang lama.

Gambar-gambar Straits Times.